

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL PERTAMA  
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG  
YANG KEEMPAT BELAS  
02 OGOS 2018**

**PERKARA : 4(B)(VIII)19**

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI PINANG  
YB. LIM SIEW KHIM**

19. Nyatakan jumlah kompaun / PTK (Pemberitahuan Tentang Kesalahan) yang telah dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terhadap "*Litter Bugs*" mengikut bulan dari tahun 2014 hingga kini.
- (a) Apakah kesan daripada pengeluaran kompaun?
  - (b) Adakah kerajaan berhasrat mempertingkatkan penguatkuasaan terhadap "*Litter Bugs*"?

**YB. JAGDEEP SINGH DEO A/L KARPAL SINGH  
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

19. Jumlah kompaun yang dikeluarkan atas kesalahan membuang sampah di tempat awam mengikut bulan bagi tahun 2014 hingga Jun 2018 di kawasan Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) dan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) adalah seperti di **Lampiran A**.
- (a) Kesan daripada pengeluaran kompaun atas kesalahan ini telah menimbulkan kesedaran / pendidikan kepada orang awam dan jumlah pelaku kesalahan juga semakin berkurangan. Tindakan perundangan akan ditingkatkan ke atas pesalah yang gagal membayar kompaun yang dikeluarkan untuk kesalahan pembuangan sampah haram. Disamping itu, tindakan pengeluaran notis serta pengeluaran kompaun sedang diambil ke atas penduduk yang gagal menyediakan tong sampah di

premis-premis mereka. Dengan tindakan-tindakan sedemikian, Kerajaan Negeri berharap masyarakat Pulau Pinang akan lebih sedar dan lebih peka terhadap keadaan kebersihan kawasan persekitaran mereka.

- (b) Kerajaan Negeri bercadang untuk meningkatkan penguatkuasaan terhadap kesalahan "*litter bugs*" memandangkan isu pembuangan sampah di tempat awam masih pada tahap yang serius. Walau bagaimanapun, lebih banyak lagi program pendidikan dan program kesedaran akan diadakan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai tentang perkara ini. Operasi penguatkuasaan bersepadu secara berjadual sedang dilaksanakan ke atas kawasan-kawasan "*hot spot*" pelancongan seperti di lokasi-lokasi berikut :

- (i) Persiaran Karpal Singh;
- (ii) Padang Kota Lama;
- (iii) Kompleks Bukit Jambul; dan
- (iv) Queensbay.

Kerajaan Negeri juga berhasrat memasang kemudahan *removable* CCTV sebanyak 11 unit di kawasan *hot spot* dan akan memperluaskan penggunaan CCTV yang tetap untuk memantau tabiat pembuangan sampah penduduk.